

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]****TARIKH : 09.11.2017****SOALAN :**

Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang mengisytiharkan perang terhadap kegiatan judi haram di negara ini yang dikesan semakin berleluasa akibat amalan rasuah.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Yang Berhormat,

SPRM sememangnya sentiasa memandang serius terhadap semua kes rasuah yang membawa kepada aktiviti haram termasuklah perjudian. Namun begitu, penguatkuasaan undang-undang dan peraturan berkaitan aktiviti perjudian adalah terletak di bawah bidang kuasa pihak-pihak berkuasa yang lain dan SPRM bersedia

mengadakan kerjasama dengan pelbagai agensi termasuklah dengan PDRM dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Sekian, terima kasih.